

13 MAR 2003

Parlimen-Titah

ANGGOTA TIDAK BOLEH SENTUH TITAH UCAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Muhamad Abdullah hari ini memutuskan bahawa anggota Parlimen tidak boleh menyentuh nama atau kelakuan Yang Di-Pertuan Agong, Raja-raja atau Yang Dipertua Negeri semasa perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong.

Beliau berkata berdasarkan Peraturan Mesyuarat 36(7), nama Yang Di-Pertuan Agong, Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri memang tidak boleh disebut semasa ucapan manakala Peraturan Mesyuarat 36(8) menyatakan dengan jelas kelakuan dan keperibadian institusi Raja Berperlembagaan tidak boleh disebut.

"Bagaimanapun, selalunya perbahasan mengenai titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong semasa perasmian mesyuarat boleh disebut semasa membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

"Yang Berhormat boleh membahaskan apa yang dititah dan bukannya apa yang perlu dititahkan (Yang di-Pertuan Agong) atau tidak," katanya semasa diminta membuat keputusan itu oleh Datuk Noh Omar (BN-Tanjung Karang) pada persidangan Dewan Rakyat.

Dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat 36(8), Noh bangun meminta Muhammad yang mempengerusikan mesyuarat ketika itu supaya membuat satu keputusan berikutan tindakan beberapa anggota Parlimen terutamanya dari pembangkang yang telah mempertikaikan titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong.

"Tidakkah ucapan sedemikian itu mempertikaikan titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong dan seolah-olah memperkecil-kecilkan keperibadian dan imej institusi yang paling tinggi kepada satu tahap yang amat rendah. Saya minta Yang Dipertua Speaker membuat satu ruling mengenai perkara ini," kata Noh.

Ketika itu, Datuk Kamaruddin Jaafar (PAS-Tumpat) sedang membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong yang menggambarkan seolah-olah Seri Paduka bersikap "partisan".

Beberapa anggota Parlimen pembangkang semasa perbahasan semalam dan hari ini telah mendakwa Seri Paduka telah diheret sama dalam isu penyelewengan Sekolah Agama Rakyat seperti yang sering dihujah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) mendakwa titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong itu ditulis oleh pemimpin Barisan Nasional.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Abdul Hadi Awang, selepas istiadat pembukaan mesyuarat Penggal Kelima Parlimen Kesepuluh Isnin lepas turut mendakwa bahawa titah ucapan Yang Di-Pertuan Agong berhubung SAR itu bukan pendapat peribadi Seri Paduka sebaliknya pendapat kerajaan pemerintah.

-- BERNAMA

HS HS MOZ